

# 'Mahkamah Akhbar' tidak harus wujud

**K**UALA LUMPUR 14 Okt. - Datuk Seri Dr. Mahathir 'Mohamad hari ini melahirkan rasa tidak senangnya dengan kewujudan apa yang dianggap 'Mahkamah Akhbar' yang melaporkan pelbagai perkara mengenai sesuatu kes sehingga mempengaruhi masyarakat.

Perdana Menteri berkata, "Ya, memang benar sekarang ini wujud mahkamah-mahkamah di luar dari sistem undang-undang termasuklah 'Mahkamah Akhbar' yang begitu berkesan sekali."

Beliau juga bersetuju dengan pandangan bekas Pengarah Institut Teknologi Mara (ITM), Datuk Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid bahawa 'Mahkamah Akhbar' tidak harus wujud di negara ini.

Nik Abdul Rashid dalam majlis sesi dialog sempena Seminar 'Undang-Undang Keterangan dan Prosedur

Mahkamah' di Institut Ke-fahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini telah bertanyakan kepada Dr. Mahathir mengenai kewujudan 'mahkamah tambahan' di Malaysia iaitu 'Mahkamah Akhbar' dan 'Mahkamah Parti' sejak akhir-akhir ini.

Dengan merujuk kes bekas pemain bola sepak Amerika Syarikat, O.J Simpson yang didakwa membunuh bekas isteri dan teman lelakinya, Perdana Menteri berkata, pendedahan yang dibuat oleh media itu menyebabkan mahkamah menghadapi masalah untuk mendapatkan juri yang tidak terpengaruh dengan laporan media yang bertubi-tubi itu.

"Malangnya di Malaysia, akhbar berminat juga untuk menjadi hakim. Mereka berpendapat bertanggungjawab untuk membetulkan keadaan tidak betul dalam masyarakat.

"Dengan itu, mereka

membuat laporan, tuduhan dan memberi bermacam-macam butiran, berulang-ulang kali tentang sesuatu kes, sehingga kita semua terpengaruh dan membuat keputusan orang ini bersalah atau tidak salah mengikut pendapat akhbar," kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada lebih 100 peserta dialog terdiri daripada para hakim, peguam-peguam dan pengamal guaman dari seluruh negara.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan akhbar-akhbar menyiarkan cerita-cerita seperti itu adalah semata-mata untuk mendapat lebih keuntungan kerana pembaca amat berminat untuk mengikutinya.

"Dengan laporan yang dibuat dengan harapan laporan ini diminati oleh pembaca, bukan berkenaan dengan keadilan yang telah menjadi perkara kecil, apa yang penting boleh jual surat khabar.

kan memandang jumlahnya rendah jika dibanding dengan kemampuan pesalah di zaman ini yang boleh dianggap lebih mewah.

Serentak dengan itu juga, Perdana Menteri mahukan agar undang-undang Mahkamah Syariah di seluruh negara disera-gamkan.

Beliau berkata, penye-

"Apabila ketepikan unsur keadilan dan kepentingan kelarisan, mereka yang bersalah akan menghadapi tekanan yang tidak adil," katanya.

Mengenai 'Mahkamah Parti', Presiden UMNO itu berkata, ahli-ahli parti politik juga turut menjadi 'hakim' kerana mengang-gap setiap perbuatan memalukan yang dilakukan oleh para pemimpin mereka adalah satu kesalahan.

"Dalam parti seorang pemimpin harus lebih putih daripada warna putih itu sendiri atau telus kerana sekiranya dia (pemimpin) mendedahkan dirinya kepada tuduhan akan memburukkan imej parti," katanya.

Malah kata Dr. Mahathir lagi, jika pemimpin itu membuat sesuatu yang boleh mendedahkan kepada keburukan atau menimbulkan sedikit syak-wasangka ramai, ia sudah cukup un-

ragaman ini penting bagi mengelakkan daripada hukuman yang berbeza dikenakan terhadap pesalah-pesalah contohnya dalam kes poligami.

Katanya, akibat perbezaan hukuman ini juga ada di antara mereka mengambil kesempatan melakukan poligami di negeri yang membenarkan amalan itu.

tuk menjadi satu kesalahan.

Oleh itu, katanya, parti berhak membuat keputusan sama ada ia telah didapati bersalah atau tidak tanpa perlu kepada keputusan undang-undang.

Perdana Menteri berkata lagi, kerajaan juga bersedia mengkaji semula hukuman denda yang dikenakan oleh mahkamah terhadap pesalah-pesalah agar jumlah dendanya sesuai dengan peredaran masa dan kemampuan rakyat.

Beliau berkata, kebanyakan undang-undang sedia ada sudah lapuk dengan dendanya yang agak rendah dan mampu dibayar oleh sesiapa sahaja sehingga mendorong mereka mengulangi kesalahan.

Untuk itu, katanya, undang-undang lapuk ini harus dikaji semula dengan memperlihatkan secara terperinci mengenai balasan dan denda yang dikena-

Dr. Mahathir berkata, status Mahkamah Syariah dan hakim-hakimnya perlu dipertingkatkan agar mereka benar-benar mencerminkan keadilan hukum syarak.

Untuk itu, beliau mahukan kerjasama yang rapat antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil dipertingkatkan.

10/10/1997  
© Dr. M.